

22 AUG 2000

Mahathir-Chua

JANGAN PERBESARKAN LAGI ISU HAK MELAYU, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO (Mozambique), 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mahu isu hak orang Melayu yang ditimbulkan oleh timbalan pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) II, David Chua diperbesar-besarkan lagi selepas penjelasan dibuat oleh Chua kepada beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian pada persidangan media dengan wartawan Malaysia di ibu negara Mozambique ini pada malam hari Isnin. Beliau berada di sini bagi menghadiri SAID 2000 (Dialog Antarabangsa Selatan Afrika).

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau menerima penjelasan Chua yang diberikan pada pertemuan mereka di Kuala Lumpur 18 Ogos lepas, dan beliau berkata: "Saya terima. Saya tak nak perkara ini diperbesar-besarkan lagi.

"Kalau dia dah kata dia tidak maksudkan itu, okeylah, kita terimalah."

Chua dalam kenyataannya di Kuala Lumpur pada 19 Ogos lepas menyatakan bahawa beliau telah menegaskan kepada Dr Mahathir yang beliau tidak pernah membangkitkan persoalan untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu kerana ia sudah termaktub dalam perlembagaan Persekutuan.

Apabila ditanya lagi sama ada beliau berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan Chua kepadanya, Perdana Menteri berkata beliau telah mengingatkan Chua agar tidak lagi menimbulkan perkara itu kerana ia isu sensitif.

"Dia kata tak sangka orang akan 'react' (bertindak balas) sampai macam itu," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada pernyataan mengenai hak Melayu yang dilaporkan dibuat oleh Chua itu akan menjejaskan usaha penggubalan dasar ekonomi oleh Mapen, Dr Mahathir berkata beliau tidak berpendapat begitu kerana Mapen hanya membuat dasar manakala "final shape" (bentuknya yang muktamad) ditentukan oleh kerajaan.

Mengenai pembebasan tiga tebusan terakhir rakyat Malaysia oleh kumpulan penculik di Jolo, Filipina selatan pada Jumaat lepas, Perdana Menteri berkata beliau berharap baki tebusan yang masih ditahan oleh kumpulan itu juga akan dibebaskan.

Sambil menegaskan bahawa Malaysia akan meneruskan usahanya supaya baki tebusan itu dibebaskan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu pihak lain menganggap Malaysia hanya berusaha untuk mendapatkan pembebasan bagi rakyat Malaysia sahaja.

"Kita cuba berusaha supaya dibebaskan orang yang sakit, orang Lubnan. Tetapi saya tidak tahu apa perkembangannya sekarang," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai laporan yang menyebut kononnya pembebasan tahanan Malaysia melibatkan pembayaran, beliau berkata: "Kita tidak tahu yang itu. Kalau ada orang yang buat bayaran, saya tidak tahulah."

Pada 23 April lepas sembilan rakyat negara ini dan 12 rakyat asing yang berada di Pulau Sipadan diculik oleh sekumpulan orang bersenjata yang kemudian melarikan mereka ke Pulau Jolo, Filipina selatan.

Sehingga Jumaat lepas, semua rakyat Malaysia yang ditahan itu sudah dibebaskan secara berperingkat-peringkat beserta seorang rakyat Filipina dan seorang wanita Jerman.

-- BERNAMA

MAD NMO